



KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“PENJELASAN MENGENAI ANGGOTA JPJ TIDAK MEMAKAI UNIFORM ATAU VEST JABATAN KETIKA OPERASI PENYAMARAN”

Putrajaya, 19 April 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia mengambil maklum mengenai video yang tular berkaitan tiga (3) orang anggota penguat kuasa JPJ tidak memakai uniform atau vest ketika melakukan operasi. Jabatan ini ingin mengesahkan bahawa ketiga-tiganya adalah pegawai penguat kuasa JPJ.

Jabatan ini melaksanakan Operasi Khas Hari Raya Aidil Fitri (HRA) 2024 bermula pada 1 April 2024 dan tamat pada 20 April 2024 bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terutama penumpang bas ekspres. Sepanjang operasi tersebut, jabatan telah menggunakan pelbagai kaedah termasuk melakukan pemeriksaan di sekatan jalan raya, pemeriksaan pemandu bas di terminal-terminal bas sebelum melaksanakan perjalanan, pemantauan di lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan termasuk menggunakan teknologi dron, menyamar sebagai penumpang bas ekspres, penyamaran dengan menggunakan kenderaan tanpa lambang jabatan di samping bertindak atas aduan serta maklumat daripada orang ramai melalui sistem eAduan dalam aplikasi MyJPJ.

Menerusi video yang viral tersebut, 3 orang anggota penguat kuasa JPJ tanpa uniform atau vest sedang melakukan pemeriksaan dan menahan sebuah bas penumpang ketika operasi khas pada 16 April 2024 jam lebih kurang 12.10 tengahari di Lebuhraya PLUS menghala ke arah Utara Nilai menggunakan kaedah penyamaran.

JPJ ingin menjelaskan bahawa pegawai penguat kuasa JPJ dibolehkan untuk tidak memakai uniform atau vest bagi tujuan penyamaran ketika melakukan operasi. Walau bagaimanapun, pegawai penguat kuasa perlu mengemukakan pengenalan diri (kad kuasa) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sekiranya diminta berbuat demikian. Ia selaras dengan Seksyen 123 (1) dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Sebagai makluman kedua-dua pihak telah membuat laporan polis dan kes tersebut sedang dalam siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Semua pihak dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi mengenai perkara tersebut dan memberikan ruang kepada pihak PDRM untuk melakukan siasatan penuh.

Jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya berada pada tahap yang terbaik di samping menguatkuasakan undang-undang jalan raya.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
19 APRIL 2024**

[TAMAT]